

Ruj. Kami : MQAD.100-1/3/2 Jld. 2 (17)

Tarikh : 21 Januari 2026

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2026

PENILAIAN KURSUS MICRO-CREDENTIAL PECAH KECIL (UNBUNDLE) SEMASA PROSES AKREDITASI PENUH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) melalui Surat Makluman MQA Bil. 8/2020 bertarikh 10 Ogos 2020 telah menerbitkan Garis Panduan Amalan Baik: Micro-credentials (GGP: Micro-credentials) sebagai rujukan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam pembangunan kursus Micro-credential. Sebagaimana yang telah ditetapkan sebelum ini, PPT yang berhasrat melaksanakan kursus Micro-credential secara pecah kecil daripada program yang telah mendapat akreditasi perlu mengemukakan pemakluman sahaja kepada MQA sebelum kursus-kursus tersebut dijalankan.

3. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi melaksanakan penilaian terhadap kursus-kursus *Micro-credential* pecah kecil yang telah dimaklumkan kepada MQA. Penilaian ini akan dilaksanakan bersama dengan proses penilaian Akreditasi Penuh. Perincian proses penilaian kursus *Micro-credential* pecah kecil adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Dimaklumkan juga bahawa proses penilaian ini tidak terpakai bagi permohonan seperti berikut:

- 4.1 Program Penilaian Badan Profesional; dan
- 4.2 Program PPT berstatus swaakreditasi.

5. Pelaksanaan proses penilaian kursus *Micro-credentials* pecah kecil bersama proses penilaian Akreditasi Penuh akan dilaksanakan bermula pada **Mac 2026 (cycle 3/2026)**.

6. PPT berstatus swaakreditasi perlu mengendalikan penilaian kursus *Micro-credential* pecah kecil mengikut tatacara pengendalian yang boleh dibangunkan sendiri berlandaskan kepada prinsip penilaian yang dijalankan oleh MQA.

7. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh dimajukan kepada **Puan Norbaizurah binti Abd Halim, Bahagian Akreditasi (Sains Sosial)** di talian **03-8688 3642** atau melalui e-mel: **norbaizurah@mqa.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
9. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, PULAU PINANG
10. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Johor Bahru
JOHOR
11. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar International Medical University (IMU)
No.126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
12. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
Aras 7, Menara Arina UNITI
No.97, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Baru
50300 W.P KUALA LUMPUR
13. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
14. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR

15. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st – 3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
16. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK
17. Presiden
Society For Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance
Network (MyQAN)
UCSI Univerity
No.1, UCSI Heights, Jalan Puncak Menara Gading
Taman Connaught, Cheras
50600 W.P. KUALA LUMPUR